

579:

MAHATHIR - SAINS

1975

PULAU PINANG, 27 MAC (BERNAMA)-TINDAKAN SEGERA PERLU DIAMBIL UNTUK MEMODENKAN SISTEM PELAJARAN BERMULA DARIPADA PERINGKAT RENDAH SUPAYA DAPAT DIADAKAN ASAS YANG KUAT BAGI KEPERLUAN PELAJARAN DAN PERKEMBANGAN JIWA KANAK-KANAK.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA INI JALAH KERANA PADA MASA INI TIDAK CUKUP PERHATIAN DIBERI KEPADA PERANAN YANG SEBENAR YANG DIMAINKAN OLEH PENGAJIAN SAINS DAN ILMU HISAB DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH PADA KESELURUHANNYA.

KARIKULUM SAINS DAN ILMU HISAB ADALAH TERLALU AKADEMIK TENTANG ISI DAN PENDEKATANNYA DAN DISEDIAKAN UNTUK MURID-MURID YANG LEBIH BERKEBOLEHAN, KATANYA BERUCAP DI UPACARA PENYAMPAIAN SIJIL KALI KE 17 RECSAM DI SINI.

DR. MAHATHIR BERKATA MATAPELAJARAN-MATAPELAJARAN ITU SEPATUTNYA HENDAKLAH DIJADIKAN LEBIH MENARIK, BERKAITAN DAN BERMAKNA KEPADA ALAM SEKITAR DAN MASYARAKAT KANAK-KANAK.

MALAH MATAPELAJARAN ITU HENDAKLAH MEMENUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN KANAK-KANAK YANG BERKEBOLEHAN SEDERHANA, TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG HM 1323

583:

MAHATHIR-SAINS 2 PULAU PINANG

68

KATANYA, TIDAKLAH MENCUKUPI MEMBERI PELAJARAN DAN LATIHAN HANYA KEPADA MURID-MURID YANG LEBIH BERKEBOLEHAN SUPAYA MENJADI AHLI-AHLI SAINS, JURUTERA, PENDIDIK DAN PROFESYONAL YANG LAIN TETAPI MEMBIARKAN MURID-MURID YANG LAIN Mencari jalan hidup masing-masing dengan sendiri.

BELIAU MENAMBAH, +KITA JUGA BERKEHENDAKKAN TENAGA MAHIR DI PERINGKAT PERTENGAHAN DAN RENDAH YANG MEMPUNYAI PELAJARAN YANG SESUAI DENGAN MASA BERASASKAN SAINS DAN TEKNOLOGI.

+MEREKA INI AKAN DAPAT MEMENUHI KEHENDAK-KEHENDAK TENAGA MANUSIA DI BIDANG PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN DI SEMUA PERINGKAT.+ OLEH ITU, TEGAS BELIAU SEKURANG-KURANGNYA KEUTAMAAN YANG SAMA HENDAKLAH DIBERI UNTUK MEMBERI PELAJARAN KEPADA SEBAHAGIAN BESAR JIKA TIDAK SEMUA WARGANEGARA YANG MASIH MUDA INI KERANA MEREKA JUGA BOLEH MEMAINKAN PERANAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. --RERSAMRANG 1553/MD

588:

MAHATHIR-SAINS 3 PULAU PINANG

DR. MAHATHIR BERKATA KANAK-KANAK HENDAKLAH DIBERI BIDANG BUKUK MENGETAHUI BAHAWA MASA DEPAN MEREKA BERGANTUNG PADA PENGETAHUAN YANG MENCUKUPI DI BIDANG SAINS DAN KEBUDAYAAN YANG TERDAPAT DI DUNIA SEKARANG.

KANAK-KANAK HENDAKLAH DIGALAKKAN MEMPELAJARI DAN MEMAHAMI SEGALA IMPLIKASI SOSIAL DAN KEGUNAAN TEKNOLOGI DARIPADA SAINS DALAM MASYARAKAT DAN NEGARA.

KATANYA, PENGAJARAN SAINS DAN ILMU HISAB YANG DISESUAIKAN DENGAN KEPERLUAN PELAJARAN DAN PERKEMBANGAN JIWA KANAK-KANAK ADALAH ASPEK YANG AMAT PENTING DIDALAM USAHA MEMBERI PELAJARAN KEPADA WARGANEGARA YANG MASIH MUDA.

DENGAN DEMIKIAN, TAMBAH BELIAU MEREKA AKAN MEMAHAMI PENGARUH-PENGARUH YANG BERFAEDAH DARIPADA SAINS DAN TEKNOLOGI BUKAN SAHAJA KEPADA NEGARA TETAPI JUGA KEPADA KEHIDUPAN MEREKA SENDIRI.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA AKAN TERUS MEMBERI SEGALA SOKONGAN DAN KERJASAMA MENGIKUT KEUPAYAANNYA KEPADA SEAMEO BAGI MENJAMIN KEJAYAAN YANG BERSAMBUNGAN DALAM KEDUA-DUA PROJEKNYA DI NEGARA INI.

PROJEK-PROJEK ITU IALAH RECSAM DI SINI DAN PROGRAM SERANTAU MENGENAI PERUBATAN TROPIKA YANG DIJALANKAN DI INSTITIUT PENYELIDIKAN PERUBATAN DI KUALA LUMPUR.

KATANYA, MALAYSIA MERASA BANGGA ATAS SUMBANGANNYA TERHADAP KEDUA-DUA PROJEK INI BAGI PEMBANGUNAN SERANTAU DAN ASIA TENGGARA. -- BERNAMA 1620/ZCM